

18/05/2002

Syabas wira Guangzhou - Hasmah

Kadir Dikoh

RAKYAT Malaysia mendoa dan mengharapkan Piala Thomas kembali ke tanah air selepas 10 tahun, kata Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sambil mengucapkan tahniah kepada barisan pemain negara yang berjaya menewaskan China pada separuh akhir malam kelmarin.

Beliau berkata, Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datuk Mohd Nadzmi Salleh menghubunginya dari Guangzhou pagi semalam dan berpesan kepadanya untuk menyampaikan ucapan tahniah kepada semua pemain.

"Tahniah bukan saja daripada saya tetapi semua rakyat Malaysia atas kejayaan mereka. Kita harap dengan doa semua orang dan dengan sokongan media, kita balik bersama Piala Thomas, insya-Allah," katanya ketika ditemui pemberita ketika menyambut kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari lawatan ke Washington di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) petang semalam.

Ditanya sama ada ganjaran tertentu akan diberikan kepada pemain jika berjaya dalam final Ahad ini, Siti Hasmah berkata beliau tidak menyebut soal ganjaran apabila berbual dengan Mohd Nadzmi.

"Saya tidak mahu sebut pun sebab kita tidak mahu pemain kita ini mengharapkan ganjaran. Yang penting semangat untuk bermain demi negara. Jangan kita tonjolkan ganjaran sebagai satu insentif untuk bermain dengan baik, biar matlamat itu untuk negara, bukan untuk diri sendiri. Itu penting," katanya.

Katanya, beliau amat gembira kerana kejayaan pemain negara yang bermain dengan penuh semangat.

"Kita tahu China amat kuat. Mereka ada pemain muda, malah tiga pemain single adalah juara dunia dengan ranking nombor 1,2 dan 3.

"Kita lihat permainan semalam, saya berasa kagum dengan permainan, semangat yang ditunjukkan, begitu cemerlang sekali, mengalahkan pasukan yang amat kuat dan kita harap ini berterusan di final nanti.

"Saya telah bercakap dengan (Wong) Choon Hann dan Hafiz (Hashim) sebelum mereka bermain malam itu dan juga dengan pengurus pasukan. Satu saja saya pesan kepada semua, lakukan yang terbaik dan mengharapkan menang dalam separuh akhir, mereka menang," katanya.

Katanya, beliau turut menasihatkan pemain senior agar tidak berkecil hati apabila terpaksa memberi laluan kepada pemain muda.

"Sebab mereka semuanya bersemangat kuat, bertenaga, tetapi kerana matlamat kita untuk negara, tujuan kita nak tonjol satu pasukan terbaik sekali. Yang veteran perlu beralah untuk junior ambil tempat sekiranya mereka dipilih. Hafiz misalnya menunjukkan satu permainan cukup cemerlang," katanya.

(END)